

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN
RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
[ARAU]**

SOALAN

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah pihak Kementerian berhasrat untuk menyemak semula takwim pengajian dan aktiviti di universiti serta melanjutkan lagi tempoh pembelajaran melalui kaedah dalam talian sehingga sesi pengajian yang seterusnya bagi mengekang risiko penularan pandemik COVID-19 dalam kalangan pelajar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian telah menetapkan bahawa aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara fizikal ditangguhkan dan PdP secara dalam talian akan diteruskan sepanjang Semester 1 Sesi Akademik 2020/2021. Pembukaan kampus secara fizikal dijangka akan dilaksanakan bermula Semester Kedua, iaitu seawal Januari hingga Mac 2021 termasuk juga Institut Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS).

Ini menjelaskan bahawa kalendar akademik di universiti akan diteruskan tanpa melibatkan perubahan jadual semester. Institusi Pengajian Tinggi (IPT) turut mengambil inisiatif dengan mengoptimalkan penggunaan platform seperti *Open Educational Resources (OER)*, *Open CourseWare (OCW)*, *Massive Open Online Courses (MOOCs)*, *Learning Management System (LMS)*, *BigBlueButton*, *Facebook Live*, *YouTube*, *Google Classroom*, *Google Meet*, *Zoom* dan *Microsoft Teams* untuk melaksanakan webinar, pembelajaran koperatif dan juga kelas tutor

NO. SOALAN : 415

secara maya. IPT juga digalakkan untuk menggunakan kaedah pentaksiran alternatif dalam melaksanakan penilaian dan peperiksaan ke atas pelajar bagi menyokong pelaksanaan PdP secara segerak dan tidak segerak mengikut kesesuaian pelajar agar keberkesanan PdP terjamin.

Sekian, terima kasih.